

PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 [*Akta 62*] menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti kementerian/jabatan/agensi serta pengurusan syarikat Kerajaan dan mengemukakan laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk mendapatkan perkenan supaya laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat.
2. Pengauditan pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan dan Negeri dilaksanakan selaras dengan peruntukan kuasa Ketua Audit Negara di bawah Perenggan 5(1)(d) Akta Audit 1957 [*Akta 62*]. Perenggan ini memperuntukkan kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit badan lain termasuk syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*]¹ yang menerima pemberian atau pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan atau Negeri. Kuasa ini juga meliputi sesebuah syarikat yang lebih daripada separuh modal syer berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan. Selain itu, Perintah Audit (Akaun Badan Lain) 2022 [*P.U.(A) 375/2022*] menyenaraikan syarikat-syarikat yang boleh diaudit.
3. Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2022 ini meliputi empat bahagian seperti berikut:
 - 3.1. Bahagian I: Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan - Laporan ini mengandungi hasil pengauditan terhadap lima syarikat Kerajaan Persekutuan;
 - 3.2. Bahagian II: Pengauditan Khas - Pengurusan Dana dan Aktiviti Pembiayaan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional;
 - 3.3. Bahagian III: Pengauditan Penilaian Kendiri Syarikat Kerajaan (Projek Rintis); dan
 - 3.4. Bahagian IV: Status Tindakan Susulan - Status tindakan bagi isu yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan (kedudukan setakat 30 September 2023).
4. Pengauditan pengurusan syarikat Kerajaan dilaksanakan berfokus terhadap pencapaian objektif penubuhan syarikat dengan meneliti tiga aspek berikut:

¹ Digantikan dengan Akta Syarikat 2016

- i. pengurusan program/aktiviti utama syarikat dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan berhemat;
- ii. elemen tadbir urus korporat syarikat diamalkan selaras dengan amalan terbaik tadbir urus korporat; serta
- iii. kedudukan kewangan syarikat berdasarkan penyata kewangan beraudit untuk tempoh tiga tahun terkini adalah kukuh.

5. Pengeauditan terhadap Pengurusan Dana dan Aktiviti Pembiayaan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional pula dijalankan bagi menilai pengurusan dana dan aktiviti pembiayaan 11 program di bawah TEKUN Nasional pada tahun 2021 dilaksanakan dengan baik, selaras dengan objektif penubuhannya. Selain itu, Jabatan Audit Negara turut membentangkan hasil projek rintis pengauditan penilaian sendiri syarikat Kerajaan yang merupakan inisiatif baharu yang diperkenalkan oleh Jabatan Audit Negara mulai tahun 2023 dalam pelaksanaan pengauditan syarikat Kerajaan.

6. Pemerhatian Audit telah dikemukakan kepada Ketua Pegawai Eksekutif syarikat-syarikat yang berkenaan. Pihak pengurusan syarikat juga telah dimaklumkan mengenai isu yang dibangkitkan dalam Mesyuarat Penutup. Surat pengesahan (confirmatory letter) juga telah dikemukakan sebelum laporan ini dimuktamadkan. Dalam laporan ini, hanya penemuan Audit yang penting sahaja dilaporkan untuk memaklumkan kelemahan yang dikesan. Bagi meningkatkan lagi pencapaian objektif penubuhan syarikat dan menambah baik perkara yang dibangkitkan, saya telah mengemukakan syor yang boleh diambil tindakan oleh syarikat-syarikat berkenaan. Penambahbaikan berterusan adalah penting bagi memastikan agenda awam yang ditetapkan dilaksana, wujudnya kelestarian jangka panjang dan penciptaan nilai tambah dalam syarikat.

7. Jabatan Audit Negara juga masih meneruskan LKAN dalam format cetakan buku serta format digital, iaitu format *card drive* dan *QR Code* untuk tujuan pembentangan di hadapan Dewan Rakyat serta edaran kepada kementerian/agensi/syarikat Kerajaan. Selain itu, LKAN ini turut mengandungi persembahan infografik ringkasan keseluruhan dan infografik setiap kajian yang dilaporkan serta status tindakan bagi isu yang dilaporkan dalam LKAN mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan.

8. Status tindakan bagi isu yang dilaporkan dalam LKAN Tahun 2022 boleh diakses oleh auditi dan orang awam melalui Papan Pemuka Dalam Talian Ketua Audit Negara [*Auditor General's Dashboard* (AGD)] di <http://agddashboard.audit.gov.my>. Mekanisme ini berjaya membantu kementerian/agensi/syarikat Kerajaan menyalurkan maklum balas dengan lebih cepat. Hal ini membuktikan komitmen dan keprihatinan Kerajaan dalam

menjelaskan kedudukan terkini isu yang dibangkitkan dalam LKAN serta meningkatkan akauntabiliti dan ketelusan kepada pihak awam.

9. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai syarikat Kerajaan Persekutuan yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan Audit Negara yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(DATUK WAN SURAYA WAN MOHD RADZI)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
17 Oktober 2023